

## Seorang yang mengidap penyakit kusta

Petikan dari Kitab Injil: [Matius 8:1-4](#).

<sup>1</sup>Isa turun dari bukit itu dan ramai orang mengikut-Nya. <sup>2</sup>Seorang yang mengidap penyakit kusta datang bersujud di hadapan-Nya sambil berkata, 'Tuan, sekiranya Tuan mahu, Tuan dapat menyembuhkanku.'

<sup>3</sup>Isa menghulurkan tangan-Nya dan menyentuh orang itu sambil berkata, 'Aku rela. Sembuhlah!' Pada saat itu juga penyakitnya hilang. <sup>4</sup>Lalu Isa berkata kepadanya, 'Dengarlah, jangan beritahu sesiapa tentang perkara ini. Pergilah dan tunjukkan dirimu kepada seorang imam. Selepas itu persembahkan korban sebagaimana diperintahkan oleh Musa, sebagai kesaksian kepada mereka.'